



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : GELAGAT ORGANISASI
KOD KURSUS : DSM2113
PEPERIKSAAN : DISEMBER 2022
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (60 Markah)
BAHAGIAN B (40 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **14** HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **TIGA PULUH (30)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan Objektif.

1. Maklumat berikut ialah kunci penting dalam gelagat organisasi.


Mengalami perubahan dari segi emosi, mental dan berpandangan jauh

Pernyataan 1

Apakah yang dimaksudkan pernyataan 1 di atas?

- A Nilai.
 - B Sosial.
 - C Manusia.
 - D Persekitaran.
2. Apakah yang akan berlaku apabila konsep asas dalam gelagat organisasi dipertimbangkan secara bersama?
- A Satu konsep murni akan terbentuk yang dikenali sebagai holistik.
 - B Darjah bergantung antara majikan dan pekerja dapat dikurangkan.
 - C Manusia akan mudah untuk dimotivasikan berdasarkan apa yang diinginkan.
 - D Memudahkan pengurus mengekalkan etika kerja dalam kalangan pekerja.

3.




Rajah 1

Rajah 1 adalah berkaitan nilai yang digariskan oleh Gordon Alloprt. Apakah yang diwakili oleh M?

- A Keadilan.
- B Diplomatik.
- C Perpaduan
- D Keindahan.

4.



Gambar 1

Apakah jenis personaliti yang boleh dikaitkan dengan gambar 1 di atas?

- A Ekstrovert.
- B Pemantauan Diri.
- C Machiavelliaisme.
- D Personaliti Jenis A.

5. Apakah yang akan berlaku sekiranya sesebuah organisasi mempunyai reka bentuk organisasi yang lemah?

- i. Akan wujudnya konflik.
- ii. Kesukaran mendapatkan sumber.
- iii. Organisasi boleh menghentikan pasarannya.
- iv. Bakat pekerja tidak dapat dikembangkan.

- A i dan ii
B ii dan iii
C iii dan iv
D i dan iv

6. Maklumat berikut merupakan proses organisasi.

- | |
|---|
| <p>M – Memenuhi cita rasa pembeli.
N – Membuat dokumen urus niaga.
O – Jabatan Kewangan.
P – Menghiasi kek.
Q – Menerima tempahan kek.</p> |
|---|

Pilih langkah-langkah yang betul dalam proses organisasi.

- A M Q P O N
B M Q O N P
C Q O M P N
D Q M P N O

7. Sharifah bekerja sebagai operator pengeluaran. Dia perlu melakukan kerja yang sama setiap hari iaitu memasang 10 jenis skru untuk komponen sebuah mesin. Penyeliaanya mendapati Sharifah keletihan, produktiviti dan kualiti kerja menurun. Apakah yang menyebabkan Sharifah mengalami masalah tersebut?
- A Berlakunya pemusatan kerja.
 - B Darjah formalisasi yang rendah.
 - C Rantaian arahan yang kurang jelas.
 - D Pengkhususan kerja yang membosankan.

8.

Segala input yang diterima oleh seseorang sama ada dalam bentuk objek, kejadian, mahupun orang adalah melalui mekanisme deria masing-masing, iaitu penglihatan, pendengaran, sentuhan, bau dan juga rasa.

Pernyataan 2

Pernyataan 2 di atas menerangkan tentang

- A input.
 - B reaksi.
 - C penilaian.
 - D penerimaan.
9. Semasa sesi temu duga Pembantu Khidmat Pelanggan di Hotel XYZ, Eksekutif Sumber Manusia gagal untuk memilih calon yang layak daripada ramai calon yang menghadiri sesi temu duga. Hal ini demikian kerana beliau tertarik dengan senyuman manis salah seorang daripada calon wanita bernama Ani. Walau bagaimanapun, setelah sebulan Ani melapor diri sebagai Pembantu Khidmat Pelanggan, didapati Ani tidak sesuai untuk pekerjaan tersebut. Ani gagal melaksanakan tugasnya dengan baik. Apakah jenis prejudis yang berkaitan dengan situasi di atas?
- A Stereotaip.
 - B kesan halo.
 - C Pengunjuran.
 - D Persepsi selektif.

10. Kajian menunjukkan manusia akan bekerja pada tahap optimum dan cemerlang apabila setiap usaha dan tugas diberikan pujian oleh penyelia. Apakah teori yang berkaitan dengan maklumat ini?

- A Teori ekuiti.
- B Teori jangkaan.
- C Teori pengukuhan.
- D Teori tiga keperluan.

11. Jadual di bawah adalah berkaitan sesuatu teori motivasi

T	U
Ramli seorang yang malas dan sering mengelak apabila majikan minta dia melaksanakan kerja	Hamidah akan berasa teruja dan berpuas hati apabila melaksanakan kerja dengan sempurna.
Ramli suka mencari peluang untuk tidak melakukan tugas.	Seorang yang <i>workaholic</i>

Jadual 1

Berdasarkan jadual 1 di atas, apakah teori yang bersesuaian dengan T dan U?

- A Teori ERG.
- B Teori jangkaan.
- C Teori tiga keperluan.
- D Teori model sumber manusia.

12. Apakah contoh kepimpinan menyokong?

- A Memberi ganjaran.
- B Membimbing pekerja.
- C Membuat keputusan bersama.
- D Mengambil berat tentang pekerja.

Soalan 13 dan 14 adalah berdasarkan dialog di bawah. Dialog di bawah berkaitan dengan teori kepimpinan Hersey dan Blanchard.

Encik Aman : Fattah, hari Jumaat minggu hadapan awak ikut saya ke Kuala Lumpur ye. Kita ada satu Konvensyen Makanan Halal di sana.

Fattah : Baik Encik Aman. Saya tiada masalah. Pukul berapa kita akan bertolak ke sana?

Encik Aman : Kita perlu bertolak awal dalam jam 4.00 pagi.

Fattah : Pukul 3.45 pagi saya akan sampai di rumah Encik Aman. Biar saya yang memandu kereta untuk ke Kuala Lumpur.

Encik Aman : Terima kasih Fattah.

Dialog 1

13. Berdasarkan dialog 1, apakah gaya kepimpinan yang digunakan oleh Encik Aman?

- A Menjual.
- B Delegasi.
- C Penyertaan.
- D Memberitahu.

14. Berdasarkan jawapan soalan 13, apakah kesan ketersediaan seorang pengikut dan pemimpin?

- A Hubungan antara pemimpin dan pengikut adalah tinggi.
- B Pemimpin memperuntukan kedua-dua kelakuan arahan dan sokongan.
- C Pekerja diberi peluang untuk memberi pendapat semasa membuat keputusan.
- D Pemimpin tidak perlu memberi banyak arahan kerana pengikut boleh memikul tanggungjawab.

15. Yang manakah antara berikut bukan merupakan sumber-sumber kuasa?
- A Kuasa rujukan.
 - B Kuasa pujukan.
 - C Kuasa paksaan.
 - D Kuasa ganjaran.
16. Sekiranya pengurus mengarahkan sesuatu tugas kepada pekerja bawahannya dengan menggunakan daya tarikan dan personaliti yang ada pada dirinya, pengurus ini telah menggunakan _____ kepada pekerjanya.
- A kuasa sah.
 - B kuasa rujukan.
 - C kuasa ganjaran.
 - D kuasa kepakaran.
17. Bagi meraih simpati, Sofea telah menggunakan taktik dalam mempengaruhi ketuanya iaitu Encik Razali. Sofea telah berpura-pura berkelakuan baik dengan rajin menolong rakan sekerja apabila berada di hadapan Encik Razali. Apakah jenis kuasa yang dimiliki oleh Sofea?
- A Berbudi.
 - B Pertukaran.
 - C Kewarasan.
 - D Pendakwaan.
18. Satu kumpulan rasmi yang terdiri daripada pelbagai individu dan mempunyai bidang serta kemahiran yang berbeza tidak menghiraukan pangkat mereka dalam organisasi dikenali sebagai
- A pasukan maya.
 - B pasukan formal.
 - C pasukan fungsian.
 - D pasukan pengurusan sendiri.

19. Pernyataan di bawah merupakan salah satu tanda pasukan tidak produktif.

Dalam mesyuarat yang lepas, didapati ahli mesyuarat lebih banyak berdiam diri berbanding daripada melontarkan pandangan. Ada juga ahli mesyuarat tidak berkata sepatahpun.

Pernyataan 3

Pernyataan 3 di atas adalah tanda

- A ketiadaan persetujuan.
- B konflik dalam pasukan.
- C komunikasi yang terpandu.
- D mesyuarat yang tidak berfungsi.

20. Manakah antara yang berikut adalah berkaitan dengan fungsi komunikasi untuk menyatakan perasaan dan emosi?

- i. Kecewa
- ii. Murung
- iii. Peramah
- iv. Sasterawan

- A i dan ii
- B ii dan iii
- C iii dan iv
- D i dan iv

21. Apakah cara yang boleh digunakan oleh pengurus untuk meminimumkan halangan komunikasi?

- A Komunikasi satu hala.
- B Mendengar secara aktif.
- C Saluran komunikasi yang tetap.
- D Membaca maklumat dengan pantas.

22. Yang manakah antara keadaan berikut merupakan komunikasi lisan paling efektif?
- A Pengarah Sumber Manusia memberitahu pekerja tentang perubahan dalam pelan faedah mereka.
 - B Penganalisis Kewangan melaporkan analisis perbelanjaan syarikat ABC untuk suku tahun pertama 2022.
 - C Pengurus memberi tunjuk ajar kepada pekerja tentang langkah-langkah yang betul untuk menggunakan sebuah mesin yang baharu.
 - D Pengurus kilang memaklumkan kepada pekerja bahawa jawatan kosong bagi jawatan penyelia adalah terbuka kepada semua pekerja.
23. Konflik boleh diselesaikan dengan
- A rundingan.
 - B beragihan.
 - C permuafakatan.
 - D gelagat organisasi.
24. Apakah kebaikan konflik?
- A Wujudnya kumpulan pemikir.
 - B Menjimatkan masa dan usaha.
 - C Meningkatkan komitmen organisasi.
 - D Penekanan terhadap kesetiaan untuk sesuatu kumpulan.
25. Anda mendapati hasil penjualan produk tidak mencapai sasaran, dan dalam jangka masa yang sama, bilangan pekerja yang berhenti saban hari semakin ramai. Apakah tindakan yang boleh anda lakukan bagi mengatasi masalah ini.?
- A Menjana idea.
 - B Menilai masalah.
 - C Mentakrif masalah.
 - D Memilih alternatif penyelesaian masalah.

26. Bagaimanakah struktur organisasi boleh menimbulkan konflik?


- i. Semakin besar saiz ahli kumpulan peningkatan konflik lebih cenderung berlaku.
- ii. Sistem ganjaran yang tidak sistematik.
- iii. Pengawalan sumber yang lemah.
- iv. Ketidakjelasan tanggungjawab.

- A i, ii dan iii
- B i, iii dan iv
- C ii, iii dan iv
- D semua di atas

27. Umi ialah seorang pelatih kulinari yang baru tiga hari memulakan sesi latihan. Suatu hari, salah seorang chef di bahagian Umi telah jatuh sakit. Umi telah diminta untuk menyediakan beberapa jenis menu yang dia tidak tahu. Apakah yang mungkin dialami oleh Umi?

- A Konflik peranan.
- B Kekaburan peranan.
- C Beban kerja berlebihan.
- D Perubahan dalam kehidupan.

28.



Gambar 2

Berdasarkan gambar 2 di atas, apakah cadangan yang boleh dilakukan oleh pihak kerajaan bagi membantu menangani masalah stress ini?

- i. Menambah pakar psikiatri.
- ii. Memperkasakan sistem kesihatan mental negara.
- iii. Menyediakan bantuan kaunseling secara dalam talian.
- iv. Menggalakkan pembabitkan badan bukan kerajaan (NGO) dalam memberikan sokongan kepada mangsa stress.

- A i, ii dan iii
- B i, iii dan iv
- C ii, iii dan iv
- D semua di atas

29.

- Peningkatan perubahan gender dalam tenaga buruh
- Status perkahwinan
- Umur

Pernyataan 4

Berdasarkan pernyataan 4 di atas, apakah faktor yang menyebabkan perubahan organisasi berlaku?

- A Ekonomi.
- B Persaingan.
- C Gaya hidup.
- D Pasaran buruh.

30. Manakah antara yang berikut merupakan halangan kepada perubahan organisasi?

- i. Kebekuan kumpulan kerja.
- ii. Latar belakang demografi.
- iii. Ekonomi yang tidak terjamin.
- iv. Ketakutan kepada perkara yang tidak diketahui.

- A i dan ii
- B ii dan iii
- C iii dan iv
- D i dan iv

[60 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi DUA (2) soalan.

Jawab semua soalan. Tulis jawapan anda pada Buku Jawapan.

SOALAN 1

a. Secara umumnya, setiap insan memerlukan motivasi bagi menjayakan sesuatu pekerjaan. Oleh kerana itu, terangkan kepentingan motivasi.

(8 markah)

b. Sekiranya berlaku ketidakseimbangan dalam pemberian ganjaran kepada pekerja, apakah yang boleh dilakukan oleh majikan untuk memastikan pemberian ganjaran dilakukan dengan adil dan saksama?

(12 markah)

SOALAN 2

a. Kepimpinan adalah keupayaan untuk mempengaruhi kumpulan ke arah pencapaian matlamat. Jelaskan kajian kepimpinan yang dijalankan oleh Universiti Michigan.

(8 markah)

b. "Gaya kepimpinan seorang pemimpin adalah berdasarkan tahap kematangan pengikutnya". Bagaimanakah kematangan pengikut mempengaruhi gaya kepimpinan pemimpin?

(12 markah)

[40 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT